

PERIKATAN
NASIONAL

PRIHATIN BERSIH STABIL



MALAYSIA GEMILANG



MALAYSIA GEMILANG

Kelahiran Perikatan Nasional (PN) di persada politik tanah air lebih dua tahun lalu adalah dalam keadaan yang luar biasa. PN terbentuk ketika negara berhadapan dengan **krisis politik, kesihatan dan ekonomi** yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Di tengah-tengah krisis, PN tampil ke depan menerajui negara bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara. Kerajaan Perikatan Nasional berjaya memulihkan semula negara dalam suasana cukup getir akibat pandemik yang melanda negara dan seluruh dunia. Malangnya, kestabilan ini telah diganggu-gugat oleh segelintir pemimpin yang tamak kuasa tanpa mempedulikan nasib rakyat. Akibatnya, keadaan politik dan ekonomi semakin teruk, sehingga mengganggu pemerintahan negara dan menjejaskan keyakinan pelabur.

Rakyat kini amat memerlukan **kerajaan yang prihatin, bersih dan stabil bagi menjamin kemakmuran berterusan dan membina Malaysia yang inklusif dan gemilang**. Bagi umat Islam, kita ingin membina sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana didalamnya nilai-nilai hidup Islam menuju keredaan Allah. Inilah yang ditawarkan oleh PN kepada seluruh rakyat Malaysia.

Keseluruhan tawaran PN ini digubal bagi **mempertahankan keluhuran Perlembagaan, menjunjung Islam sebagai agama Persekutuan dan melindungi hak semua kaum**, serta berteraskan 5 prinsip utama yang digariskan dalam Memorandum Persefahaman Perikatan Nasional bertarikh 17 Mei 2020. Prinsip-prinsip tersebut digarap dalam 234 tawaran ini.


PERIKATAN
NASIONAL

12
TUNJANG

30
PENDEKATAN

234
TAWARAN

**PERIKATAN
NASIONAL**



**Pencapaian Kerajaan
Perikatan Nasional**

**UNDILAH
PERIKATAN NASIONAL**

1. Memulihkan dan Membangunkan Ekonomi

- Melaksanakan 7 pakej rangsangan ekonomi, iaitu PRIHATIN (RM230 bilion), PRIHATIN PKS+ (RM10 bilion), PENJANA (RM35 bilion), Kita Prihatin (RM10 bilion), PERMAI (RM16 bilion), PEMERKASA (RM20 bilion) dan PEMULIH (RM150 bilion).
- Menubuhkan Majlis Pekerjaan Negara bagi mewujudkan 500,000 peluang pekerjaan.
- Menubuhkan Majlis Kemakmuran Bumiputera bagi memperkasa agenda Bumiputera.
- Memeterai Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dalam Sidang Kemuncak ASEAN ke-37.
- Menyambung semula rundingan pelaksanaan projek Sistem Transit Rapid (RTS) Johor Bahru-Singapura.

KitaPrihatin

Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

penjana

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara



- Melaksana Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dengan kos sebanyak RM5 bilion.

2. Melindungi Kesihatan Rakyat dan Membendung COVID-19



4. Menyelamatkan FELDA

- Melupuskan sebahagian pinjaman peneroka berjumlah RM8.3 billion melalui pelarasan pinjaman peneroka secara bersyarat.
- Menerbitkan sukuk bernilai RM9.9 bilion dengan jaminan Kerajaan bagi tujuan pelan pemulihan FELDA.
- Menyiapkan Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang terbengkalai pada tahap 70%

- Menubuhkan Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia (MA) 1963.
- Mewujudkan portfolio Hal Ehwal Sabah dan Sarawak dalam kabinet.
- Menyelaraskan urusan minyak dan gas di antara Petronas dan kerajaan wilayah Sabah dan Sarawak.
- Menerima dana RM19 bilion, termasuk pengumuman penyelesaian RM16.6 bilion antara Kerajaan dan Goldsman Sachs bagi tujuan tuntutan penyelewengan dana 1MDB.
- Memperkenalkan Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara.
- Menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR)
- Menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)



3. Memantapkan Tadbir Urus

5. Kebajikan Rakyat

- Melaksana Bantuan Prihatin Nasional dengan jumlah keseluruhan RM18.4 bilion.
- Melaksana moratorium secara automatik selama 6 bulan.
- Menaikkan nilai bantuan bulanan JKM daripada RM300 kepada RM1,000.
- Meminda Seksyen 41-45 Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi melaksana hukuman yang lebih berat terhadap pemandu mabuk.
- Menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara.
- Melaksanakan Program Penghijauan Malaysia menerusi Kempen Penanaman 100 juta Pokok bermula tahun 2021-2025.



- Memperkenalkan Program Strategi Keselamatan Siber 2020-2024 bernilai RM1.8 bilion.
- Memperkenalkan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL).
- Memperkenalkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

6. Negara Digital

PRINSIP PANDUAN

PRIHATIN

Prihatin kepada kehidupan, nilai-nilai murni agama dan kebajikan yang merangkumi keperluan asas dari segi kerohanian dan taraf hidup yang wajar untuk setiap rakyat dalam mengharungi ketidaktentuan ekonomi dunia.

BERSIH

Membanteras rasuah dan segala bentuk penyelewengan dalam tadbir urus di setiap peringkat bagi memastikan pentadbiran yang bertanggungjawab, berintegriti dan telus.

STABIL

Komited membina kerajaan yang stabil dan cekap, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan dilaksanakan secara berkesan demi kesejahteraan rakyat serta menjadikan Malaysia negara yang gemilang dan berdaya saing.



**Adakah tawaran dalam
BAJET2023 yang telah
dibentangkan akan
dilaksanakan sekiranya
Perikatan Nasional
membentuk kerajaan?**

Inisiatif BAJET2023

Semua inisiatif Bajet 2023, termasuk bantuan kewangan rakyat dan penjawat awam, akan

dikekalkan dan ditambahbaik untuk semua lapisan masyarakat.

50

**TAWARAN
UTAMA**

**PERIKATAN
NASIONAL**



**UNDILAH
PERIKATAN NASIONAL**



RM5 bilion Tabung Khas Galakan Pelaburan

Malaysia Sebagai Paksi Industri
Masa Hadapan di Asia Tenggara



MyPrihatin

One Stop Centre dan pangkalan data
tunggal untuk semua
penyampaian bantuan kepada rakyat
yang memerlukan



Kad Prihatin Nasional

akses perkhidmatan kesihatan
terpilih percuma di klinik swasta
dan hospital kerajaan



Perkhidmatan Bas Sekolah & Pusat Penjagaan percuma

bagi kumpulan miskin
dan miskin tegar



1,000,000 Pekerjaan Berdapatan Tinggi

dalam sektor ekonomi digital dan
masa hadapan dalam tempoh
5 tahun



Barangan Buatan Malaysia

Diutamakan
oleh kerajaan
dan rakyat



RM1 Bilion

Dana Khas Pelancongan

bagi mewujudkan produk baharu
pelancongan domestik bernilai tinggi

Insentif Khas Pekerja Gig bernilai RM1000

bagi melanjutkan pengajian di
institusi pengajian tinggi yang
diiktiraf




Skim Pembangunan Nelayan

yang terancang dan komprehensif
bagi meningkatkan taraf
hidup nelayan



Pendapatan & Kebajikan Pekebun Kecil

ditingkatkan melalui
pemodenan industri getah



Ekonomi Rancak



Moratorium Pinjaman PMKS

Yang Lebih Berkesan
bagi membantu peniaga kecil



Internet Percuma Setahun

Bagi Startup Digital
untuk menggalakkan
inovasi teknologi



Program Usahawan Anak Muda

dalam industri ekonomi digital
dan masa hadapan diperkasakan



RM1 Bilion Dana Fund for Food

dengan kadar faedah yang rendah
bagi meningkatkan pengeluaran
makanan dalam negara dan
menstabilkan harga makanan



6 Hab Mega Pengeluaran Makanan

Diwujudkan Seluruh Negara
bagi menstabilkan harga makanan



PMKS Berdaya Tahan



Rakyat Sejahtera

Bekalan Makanan Terjamin



**Sistem Perundangan
& Kehakiman Syariah**
diperkasakan



**Pelan Antirasuah
Nasional**
diperkasakan dan
Mahkamah Antirasuah
diwujudkan



**Larangan
sumbangan
Dana Politik Dari
Luar Negara**
bagi menjaga kedaulatan negara



Internet Laju
Dalam Bilik Darjah
& Bilik Guru
di semua sekolah seluruh negara

**RM50 Juta
Setahun**
Pembangunan Infrastruktur
dan Pembelajaran
Murid Berkeperluan
Pendidikan Khas (MBPK)



Akses
Kepada Peranti Digital
untuk murid di seluruh negara

**Badan Bertindak
Bencana Alam dan
Perubahan Iklim**
Khusus Bagi
Menangani
banjir dan bencana lain
dengan lebih efektif



**Akta Dewan Bahasa
& Pustaka**
diperkasa
bagi memartabatkan
bahasa Melayu



**Jawatankuasa
Khas Tawaran PN**
yang dianggotai pakar
untuk memantau dan memastikan
semua tawaran dilaksanakan
sepenuhnya



Komputer Riba
Untuk Semua Guru
di institusi bawah KPM
bagi memudahkan tugas
pengajaran dan pembelajaran



Dana Khas
Bagi Sekolah Tahfiz &
Agama Rakyat
untuk menyertai sistem
kemahiran TVET

**RM2.5 Bilion
Setahun**
untuk penyelenggaraan
sekolah
bagi tempoh 2023 - 2025

Tadbir Urus Kukuh



**Kapasiti Dan
Kepakaran**
Pusat Perkhidmatan
Pendidikan Khas

di seluruh negara ditambahbaik,
termasuk bagi kanak-kanak autisme.



Bantuan Awal
Pengajian IPT
sebanyak RM1,000 kepada semua
pelajar baharu mendaftar



Pendidikan Inklusif



Capaian Internet Laju
Di Seluruh Negara
serta menjamin
caj 5G berpatutan



Pembinaan Lebuh Raya
Pan Borneo
Lingkar Tengah Utama (CSR)
Pantai Timur 3 (LPT 3)
dipercepatkan



Mengurangkan Kesesakan Lebuh Raya
Di Lebuh Raya Dengan Mempercepatkan Penggunaan
sistem tol tanpa palang dan menambah lorong di lokasi kritikal



Dana Khusus
menaiktaraf dan menyelesaikan masalah perkhidmatan bekalan air di seluruh negara

Infrastruktur Cepak



COLA Penjawat Awam
Dinaikkan RM100
dan akan diselaraskan secara berkala



Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)
Tambahan Khas 2023
sebanyak RM100 sebulan bagi penjawat awam



RM2.5 Bilion Setahun
Penyelenggaraan Kuarters Kerajaan Persekutuan
di seluruh negara untuk tempoh 2023-2025

Peruntukan Kesihatan Dinaikkan
Lebih 5% Daripada KDNK
secara berperingkat untuk perkasa **kuiliti** perkhidmatan kesihatan



Pelepasan Cukai Khusus Malaysia Sihat
Sebanyak RM 3,000
bagi mempromosi **gaya hidup sihat** dalam kalangan masyarakat

Penjawat Awam Terpelihara

Kesihatan Mampan

Rapatkan Jurang Sabah & Sarawak

Belia Peneraju



Pelaksanaan MA63 Disegerakan



Penubuhan Universiti Awam Baharu
di Sabah dan Sarawak



Skim Perumahan Mikro Belia Mampu Sewa
di bandar-bandar utama



Kuota Senator Untuk Belia & Beliawanis



Diskaun 25% Bayaran Balik PTPTN
kepada graduan kelas kedua atas



Pusat Sukan & Komuniti Perpaduan
Mewujudkan di setiap daerah



Bayaran Tunai Hasil Petroleum Secara Terus kepada Kerajaan Negeri
berdasarkan Akta Kemajuan Petroleum 1974

Pembangunan Negeri dan Wilayah Seimbang



FELDA Diperhebat

Felda

Wawasan FELDA Baharu

Bagi Menjamin Masa
Depan Generasi Muda
di kawasan Felda



DanaNita

Wanita Bangkit
Berniaga

pinjaman tanpa
faedah sehingga RM20,000



Jabatan Warga Emas

Ditubuhkan

bagi menjamin kesejahteraan
warga emas



Hak Wanita dan Kanak-Kanak

dilindungi dengan
memantapkan
undang-undang



Program Latihan OKU Lepasan Sekolah

untuk persediaan memasuki
pasaran pekerjaan

Kumpulan Rentan Dilindungi



**PERIKATAN
NASIONAL**

Tawaran Perikatan Nasional

Pilihan Raya Umum 15



pnbest.com



**UNDILAH
PERIKATAN NASIONAL**

> Tawaran Lengkap Mengikuti Tunjang



> Tunjang

- 1 **Membina Ekonomi Masa Hadapan yang Berdaya Saing**
- 2 **Meningkatkan Nilai dan Taraf Hidup Rakyat**
- 3 **Membersihkan Politik dan Tadbir Urus**
- 4 **Mensejahterakan Bumiputera, Orang Asli dan Semua Kaum**
- 5 **Memacu Pembangunan Wilayah**
- 6 **Melestarikan Alam Sekitar & Merencanakan Pelancongan**
- 7 **Memperkasa Belia dan Mensejahterakan Keluarga Muda**
- 8 **Mengoptimumkan Potensi Wanita**
- 9 **Membina Warga Emas Yang Aktif dan Sejahtera**
- 10 **Memperkasakan Orang Kelainan Upaya**
- 11 **Memperkasakan Peneroka FELDA**
- 12 **Mentransformasikan Petani, Penternak, Nelayan & Pekebun Kecil**

> Tunjang 1

Membina Ekonomi Masa Hadapan Yang Berdaya Saing



>

Tunjang 1 : Membina Ekonomi Masa Hadapan Yang Berdaya Saing

- 1** Memulihkan ekonomi secara menyeluruh dan mampan serta berpaksikan kebajikan rakyat secara bersasar.
- 2** Menjadikan Malaysia paksi ekonomi Asia Tenggara yang berteraskan industri masa hadapan.
- 3** Melindungi dan membangunkan PMKS berdaya saing dan mampu menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi
- 4** Menjamin bekalan makanan mencukupi untuk rakyat pada harga yang munasabah.

1 Memulihkan Ekonomi Yang Menyeluruh Dan Mampan Serta Berpaksikan Kebajikan Rakyat Secara Bersasar

Tawaran :

1. Mempergiatkan pelaksanaan inisiatif pemulihan ekonomi yang menyeluruh dan inklusif dengan melibatkan semua kaum di Semenanjung, wilayah Sabah dan Sarawak.
2. Memperkukuhkan sinergi antara Kerajaan dengan pihak swasta, pemain industri, akademia, pertubuhan bukan Kerajaan dan seluruh masyarakat dalam memulihkan ekonomi negara.
3. Mempercepatkan proses pengambilan pekerja asing bagi sektor kritikal.
4. Mewujudkan 1,000,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dalam sektor ekonomi digital dan masa hadapan dalam tempoh 5 tahun.
5. Menambah baik kualiti graduan IPT dan TVET bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dan berpendapatan tinggi.
6. Mengagihkan bayaran tunai hasil petroleum secara terus kepada semua Kerajaan negeri yang terlibat berdasarkan Akta Kemajuan Petroleum 1974.
7. Menggalakkan majikan membenarkan pekerjaan secara fleksibel mengikut waktu dan lokasi yang bersesuaian bagi menepati takrif kerja penuh 45 jam seminggu dalam usaha meningkatkan penyertaan wanita dan belia sebagai tenaga kerja.
8. Mewujudkan persekitaran pelaburan yang kondusif dan mesra pelabur.
9. Menarik lebih banyak pelaburan berkualiti yang mampu mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

2 Menjadikan Malaysia Paksi Ekonomi Asia Tenggara Yang Berteraskan Industri Masa Hadapan

Tawaran :

1. Menyediakan Tabung Khas Galakan Pelaburan berjumlah RM5 bilion bagi menjadikan Malaysia paksi industri masa hadapan di Asia Tenggara.
2. Mengutamakan industri berteknologi tinggi bagi meningkatkan nilai tambah dan menyediakan pekerjaan berpendapatan tinggi khususnya dalam kalangan tenaga kerja muda.
3. Mempercepatkan perkembangan industri masa hadapan seperti ekonomi digital, tenaga hijau dan kenderaan elektrik melalui kerjasama semua kementerian/agensi dan pemain industri.
4. Meningkatkan dan meluaskan pasaran eksport produk dan perkhidmatan bernilai tambah tinggi ke pasaran yang lebih luas.
5. Mempergiat penyediaan bakat baharu berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan industri dan meningkatkan daya saing negara.
6. Internet percuma setahun bagi syarikat pemula (startup) digital untuk menggalakkan inovasi teknologi.
7. Memperkasa program peningkatan kemahiran dan latihan semula (reskilling and upskilling) dalam bidang teknologi tinggi serta menyediakan insentif kepada majikan terlibat.
8. Meningkatkan penguasaan sistem kewangan Islam dan transaksi patuh syariah dalam sistem perbankan negara ke tahap 50% dalam tempoh 5 tahun serta mengoptimumkan penggunaan instrumen kewangan Islam termasuk wakaf, zakat, Ar-Rahnu dan hibah.
9. Memperkasa Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 untuk membanteras aktiviti monopoli dan amalan perniagaan kurang sihat (unfair trade practices) seperti kartel.
10. Menambah peluang latihan industri dalam syarikat berkaitan Kerajaan dengan kadar elaun minimum RM1,000.
11. Memajukan industri maritim seperti pelabuhan sebagai pusat perdagangan bertaraf antarabangsa.

3 Melindungi Dan Membangunkan PMKS Berdaya Saing Dan Mampu Menjadi Pemacu Utama Pertumbuhan Ekonomi

Tawaran :

1. Meneruskan program penjadualan atau penstrukturan semula pembiayaan (moratorium) secara bersasar dan lebih berkesan bagi membantu pemulihan PMKS yang terjejas.
2. Memajukan PMKS menjadi syarikat penengah (mid-tier companies) dan berkembang sebagai syarikat multinasional milik tempatan.
3. Mengutamakan dan menggalakkan pembelian barangan dan perkhidmatan buatan Malaysia oleh Kerajaan dan rakyat.
4. Menyediakan insentif khas Skim Prihatin PMKS bagi menggalakkan pendigitalan dan pengautomasian pengeluaran produk dan perkhidmatan serta latihan kemahiran.
5. Insentif untuk membantu PMKS meningkatkan penjenamaan dan kualiti produk bagi memperluaskan akses ke pasaran domestik dan antarabangsa.
6. Meningkatkan rantai nilai PMKS bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.
7. Menyediakan insentif untuk memudah cara proses pensijilan halal untuk industri PMKS.

4 Menjamin Bekalan Makanan Mencukupi Untuk Rakyat Pada Harga Yang Munasabah

Tawaran :

1. Mewujudkan 6 Hab Mega Pengeluaran Makanan Negara di kawasan strategik dengan pelan penggunaan tanah yang komprehensif untuk tujuan pengeluaran, ketersediaan dan pengedaran makanan bagi mencapai tahap sara diri negara.
2. Menyediakan peruntukan RM1 bilion dana *Fund for Food* dengan kadar faedah yang rendah bagi meningkatkan pengeluaran bekalan makanan dalam negara dan menstabilkan harga makanan.
3. Meningkatkan kecekapan dalam sektor pengeluaran agromakanan melalui penerima gunaan teknologi dan automasi.
4. Menubuhkan sebuah entiti Kerajaan untuk memastikan stok simpanan bahan makanan asas negara dapat memenuhi keperluan rakyat.
5. Memperkukuhkan industri pengeluaran baja dan makanan ternakan dalam negara melalui penglibatan GLC.
6. Meningkatkan penguatkuasaan bagi mekanisme penstabilan harga barang makanan asas yang holistik dan mampan.

7. Meningkatkan kecekapan sistem pengairan pertanian dengan menggunakan teknologi pintar bagi mengoptimumkan pengeluaran hasil, contohnya pengeluaran padi sebanyak 5 kali dalam tempoh 2 tahun.
8. Meningkatkan penguatkuasaan terhadap pencemaran alam sekitar yang memberikan impak negatif kepada pengeluaran dan keselamatan makanan negara.

Meningkatkan Nilai Dan Taraf Hidup Rakyat



>

Tunjang 2 : Meningkatkan Nilai Dan Taraf Hidup Rakyat

1 Mengutamakan nilai diri dan kebajikan rakyat.

2 Memantapkan sistem pendidikan yang inklusif, berdaya saing dan bertaraf global

3 Memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan yang cekap dan mesra rakyat

4 Meningkatkan akses perumahan berkualiti

5 Menyediakan persekitaran yang kondusif dan selamat

1 Mengutamakan Nilai Diri Dan Kebajikan Rakyat

Tawaran :

1. Menubuhkan MyPrihatin, sebuah pusat sehenti baharu dan pangkalan data tunggal untuk semua penyampaian bantuan kepada rakyat yang memerlukan. Ini merupakan pendekatan proaktif untuk:
 - memantapkan penyelarasan pemberian bantuan tunai, peluang pekerjaan dan latihan serta pengukuhan aktiviti sara diri;
 - mewujudkan sistem pendaftaran penerima bantuan yang cekap dan bersasar bagi memastikan tiada pertindihan, keciciran dan ketirisan; dan
 - memastikan bantuan jaringan sosial rakyat mengambil kira lokasi tempat tinggal dan bilangan tanggungan.
 - menyalurkan bantuan strategik dan tambahan seperti bantuan sewa rumah, bantuan bas sekolah dan bantuan yuran pengasuhan kanak-kanak.
2. Menjadikan Agenda Pembasmian Kemiskinan dan merapatkan jurang ekonomi sebagai keutamaan Kerajaan.
3. Memperkasa Majlis Pekerjaan Negara dalam usaha meningkatkan penciptaan pekerjaan yang melibatkan pelbagai sektor.
4. Meningkatkan kecekapan dalam penyediaan prasarana asas kepada rakyat termasuk akses bekalan air bersih.

5. Mewujudkan kad Prihatin Nasional bagi memberi akses kepada perkhidmatan kesihatan terpilih secara percuma di klinik swasta dan hospital kerajaan.
6. Menyediakan perkhidmatan bas sekolah dan pusat penjagaan percuma bagi kumpulan miskin dan miskin tegar.

2 Memantapkan Sistem Pendidikan Yang Inklusif Dan Berdaya Saing

Tawaran :

1. Menyediakan peruntukan khas penyelenggaraan sekolah sekurang-kurangnya RM2.5 bilion setahun bagi tempoh 2023-2025.
2. Menyediakan Internet laju dalam bilik darjah dan bilik guru di semua sekolah seluruh negara.
3. Memperuntukkan komputer riba untuk semua guru di institusi bawah KPM bagi memudahkan tugas pengajaran dan pembelajaran.
4. Akses kepada peranti digital untuk murid di seluruh negara.
5. Menaikkan elaun guru KAFA sebanyak 50% ke RM1,500 sebulan dan memperkenalkan skim khas penyerapan ke jawatan tetap secara berperingkat.
6. Meningkatkan kapasiti dan kepakaran Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas yang menawarkan perkhidmatan pemeriksaan, intervensi, pemulihan dan perundingan kepada kanak-kanak seluruh negara, termasuk kanak-kanak autisme.
7. Menyediakan peruntukan RM50 juta setahun untuk pembangunan infrastruktur dan pembelajaran bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).

8. Menaik taraf bangunan daif di sekolah bagi menyediakan persekitaran selamat dan kondusif.
9. Mempercepatkan pembinaan sekolah atau bangunan tambahan terutama di kawasan penduduk berkepadatan tinggi serta menambah baik prasarana di sekolah-sekolah yang berasrama.
10. Menambah bilangan pembantu pengurusan murid khususnya bagi sekolah padat murid.
11. Meningkatkan kadar enrolmen murid dalam bidang STEM.
12. Menaik taraf institusi TVET dengan kurikulum bertaraf global menerusi kerjasama swasta.
13. Dana khas bagi sekolah tahfiz dan agama rakyat untuk menyertai sistem kemahiran TVET.
14. Memperkasa sistem sokongan psikologi, termasuk kesihatan mental.
15. Menangani risiko murid cicir persekolahan dan murid cicir dalam pembelajaran.
16. Mewujudkan badan penyelaras atau pusat biasiswa negara bagi menyelaraskan pemberian biasiswa dan geran penyelidikan Kerajaan dan swasta.
17. Meningkatkan kadar pelepasan cukai bagi simpanan pendidikan SSPN kepada RM10,000 sehingga tahun 2027.
18. Menyediakan bantuan awal pengajian sebanyak RM1,000 kepada semua pelajar baharu mendaftar di IPT.
19. Menyediakan peranti digital bagi siswa dari keluarga B40 dan M40 yang layak.
20. Memperkasakan program atau kursus dalam bidang industri masa hadapan yang ditawarkan oleh IPT.
21. Memperluaskan tawaran biasiswa/geran penyelidikan dalam bidang industri masa hadapan dengan kerjasama GLC.
22. Meningkatkan kualiti perkhidmatan Internet berkelajuan tinggi dalam kampus IPTA secara percuma seluruh negara.
23. Memperkasa tadbir urus dan pengurusan semua institusi pendidikan awal kanak-kanak, termasuk melanjutkan waktu operasi taska perpaduan dan KEMAS sehingga petang, memperkenalkan insentif taska di tempat kerja, dan skim taska di tempat kerja.
24. Perkhidmatan bas sekolah berdaftar percuma untuk murid miskin dan miskin tegar.
25. Mengagihkan bantuan pendidikan secara sistematik kepada sekolah Agama, Cina dan Tamil.
26. Digitalisasi taska yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memudahkan pemantauan anak di taska.

3 Memperkukuhkan Perkhidmatan Kesihatan Yang Cepak Dan Mesra Rakyat

Tawaran :

1. Menyediakan kerangka dan sistem pengurusan kesihatan negara yang holistik dengan mengambil kira keperluan kesihatan warga emas sebagai persediaan ke arah negara menua.
2. Meningkatkan peruntukan kesihatan lebih 5% daripada kadar KDNK secara berperingkat untuk perkasa kualiti perkhidmatan kesihatan.
3. Mengasingkan item pembelian peralatan sukan, bayaran keahlian gimnasium, sewaan peralatan sukan, fi penyertaan pertandingan daripada item gaya hidup dan memperkenalkan pengecualian cukai khusus Malaysia Sihat sebanyak RM3,000 bagi aktiviti sukan dan riadah bagi mempromosi gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.
4. Membina dan menaik taraf kemudahan kesihatan yang dilengkapi sistem sokongan keluarga pesakit terutama di kawasan luar bandar.
5. Menyediakan dana khas bagi mempercepatkan kerja-kerja penyelenggaraan hospital.
6. Menambah bilangan doktor pakar dan menaik taraf hospital daerah.
7. Mempercepatkan digitalisasi dan pemodenan fasiliti serta perkhidmatan kesihatan yang bersepadu dan terangkum, termasuk membangunkan data raya komprehensif.
8. Meningkatkan khidmat kesihatan bergerak di kawasan padat penduduk.
9. Memperkasa akses kepada bantuan kesihatan mental di pusat kesihatan Kerajaan.
10. Memperluaskan pendekatan kesihatan preventif, termasuk bagi menangani penyakit tidak berjangkit (non-communicable diseases).
11. Membangunkan industri farmaseutikal dan peralatan perubatan untuk memastikan negara mampu memenuhi keperluan perubatan dan kesihatan serta mengurangkan kos perubatan kepada rakyat.
12. Memastikan setiap hospital mempunyai jaringan pengangkutan awam yang cekap dan kemudahan parkir yang mampan.
13. Memperluaskan perkhidmatan jururawat komuniti untuk pesakit seperti lumpuh dan anak berkeperluan khas di rumah.
14. Menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan pegawai perubatan dan kumpulan sokongan termasuk perjawatan doktor, kes buli dan kebajikan houseman serta isu kekurangan doktor pakar.

4 Meningkatkan Akses Perumahan Berkualiti.

Tawaran :

1. Menawarkan Skim Perumahan Mikro Belia Mampu Sewa di bandar-bandar utama.
2. Menambah baik skim pembiayaan perumahan bagi B40 dan M40 seperti rent-to-own dan pembelian tanah.
3. Mempergiatkan pemulihan projek perumahan yang terbengkalai di kawasan strategik.
4. Memperbanyakkan rumah transit dan projek perumahan rakyat di kawasan terpilih untuk sewaan kepada pasangan belia yang baru berkahwin.
5. Mempergiatkan penyelenggaraan kemudahan guna sama di kawasan perumahan berstrata.
6. Memperkasa tadbir urus pembangunan dan pemilikan rumah mampu milik di peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan.
7. Menyediakan peruntukan khas sebanyak RM2.5 bilion setahun bagi penyelenggaraan kuarters Kerajaan Persekutuan di seluruh negara untuk tempoh 2023 hingga 2025.
8. Mengoptimumkan penggunaan kuarters milik Kerajaan dan GLC yang tidak diduduki melalui kaedah penyewaan bagi kegunaan rakyat.
9. Meneroka potensi komersial aset Kerajaan untuk menjana hasil yang boleh digunakan untuk penambahbaikan dan penyelenggaraan aset Kerajaan yang lain.

5 Menyediakan Persekitaran Yang Kondusif Dan Selamat

Tawaran :

1. Menyegerakan digitalisasi dan pemodenan fasiliti bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan keselamatan negara untuk melindungi rakyat dan memelihara kedaulatan negara.
2. Memperkasakan kawalan keselamatan sempadan negara dengan menggunakan teknologi moden, khususnya di kawasan perairan berisiko tinggi.
3. Meningkatkan kualiti pemantauan keselamatan berdigital di kawasan berisiko melalui tambahan CCTV polis dan butang kecemasan.
4. Mempergiat program kepimpinan komuniti melalui kerjasama dengan sektor swasta dan komuniti setempat.
5. Memperkasa pelaksanaan perolehan aset strategik Kerajaan yang melibatkan sektor keselamatan dan ketenteraman awam.
6. Menyediakan peruntukan yang lebih besar bagi penyelenggaraan aset-aset keselamatan negara khususnya di bawah Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.
7. Menyediakan skim insurans kesihatan percuma untuk semua anggota RELA.

Membersihkan Politik Dan Tadbir Urus



>

Tunjang 3 : Membersihkan Politik Dan Tadbir Urus

- 1** Mempertahankan keluhuran perlembagaan, Islam sebagai agama persekutuan dan hak semua
- 2** Meningkatkan kecekapan perkhidmatan Kerajaan dan mengutamakan integriti
- 3** Meningkatkan kebajikan dan profesionalisme perkhidmatan awam

1 Mempertahankan Keluhuran Perlembagaan, Islam sebagai Agama Persekutuan dan Hak Semua Kaum

Tawaran :

1. Memperkasa sistem perundangan Islam dan kehakiman syariah.
2. Menggubal akta atau peraturan pendanaan politik, khususnya bagi menghalang penerimaan sumbangan dana politik daripada luar negara bagi menjaga kedaulatan negara.
3. Menubuhkan Jawatankuasa Khas yang dianggotai pakar untuk memantau dan memastikan tawaran PN dilaksanakan sepenuhnya.
4. Mewujudkan ekosistem politik yang bersih, telus dan bertanggungjawab berlandaskan kepatuhan kepada agama, moral dan etika.
5. Mempertahankan prinsip dan amalan pemisahan kuasa yang jelas bagi tiga cabang kuasa negara iaitu perundangan, kehakiman dan eksekutif.
6. Melindungi kebebasan badan kehakiman dan menjunjung kedaulatan undang-undang tanpa sebarang campur tangan politik selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip Rukun Negara.
7. Memperkasakan sistem perundangan dan kehakiman syariah bagi meningkatkan kecekapan pengendalian kes-kes syariah.
8. Menambah baik Akta Undang-Undang Sivil untuk memberi lebih perlindungan dan pampasan kepada mangsa kemalangan.
9. Mengoptimumkan bilangan Anggota Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.
10. Memperkasa Akta Dewan Bahasa & Pustaka bagi memartabatkan bahasa Melayu.

2 Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan Dan Mengutamakan Integriti

Tawaran :

1. Memperkasa Pelan Antirasuah Nasional dan mewujudkan Mahkamah Anti Rasuah.
2. Memperteguh kepimpinan dan tadbir urus berintegriti serta mewujudkan Kerajaan bebas rasuah.
3. Memperkasa Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia dalam menangani gejala rasuah dan penyelewengan untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam pentadbiran Kerajaan.
4. Mengoptimumkan penggunaan teknologi digital bagi memastikan perkhidmatan awam yang lebih telus, cekap dan bertaraf dunia.
5. Memperkukuh sistem perolehan Kerajaan secara menyeluruh bagi mengelakkan ketirisan dan penyelewengan.
6. Memperkasa tadbir urus syarikat berkaitan Kerajaan bagi mengoptimumkan penjanaan hasil serta meningkatkan daya saing di peringkat global.

3 Meningkatkan Kebajikan Dan Profesionalisme Perkhidmatan Awam

Tawaran :

1. Mengekalkan cadangan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) tambahan khas 2023 sebanyak RM100 sebulan bagi penjawat awam sepertimana di dalam Bajet 2023.
2. Menaikkan kadar elaun sara hidup (COLA) penjawat awam sebanyak RM100 dan akan diselaras secara berkala bagi meringankan beban kos sara hidup penjawat awam.
3. Menambahbaik gred pegawai tentera agar selaras dengan tanggungjawab dan keperluan semasa.
4. Memantapkan sokongan kebajikan dan meningkatkan kebolehpayaan pesara tentera yang berpencen dan tidak berpencen melalui pemerksaan Jabatan Hal Ehwal Veteran.
5. Memperkasakan penjawat awam dengan kemahiran digital melalui latihan berterusan bagi meningkatkan kecekapan.
6. Menyelaras struktur dan fungsi kementerian dan agensi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan mengurangkan birokrasi.
7. Menambah Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung daripada 15 Ahli ke 20 Ahli bagi memastikan keselamatan penduduk di kawasan kampung terjamin.
8. Menambahbaik sistem perjawatan dan kebajikan penjawat awam kontrak seperti keutamaan untuk diserapkan sebagai kakitangan tetap.

Mensejahterakan Bumiputera, Orang Asli & Semua Kaum



>

Tunjang 4 : Mensejahterakan Bumiputera, Orang Asli Dan Semua Kaum

1 Memperkasa agenda Bumiputera

2 Menjaga kebajikan dan meningkatkan taraf hidup Orang Asli dan semua kaum

1 Memperkasa Agenda Bumiputera

Tawaran :

1. Memantapkan agensi yang ditubuhkan untuk memperkasa agenda pembangunan Bumiputera seperti Perbadanan Nasional Berhad (PNB), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN).
2. Menetapkan sasaran keberhasilan yang menyeluruh dan jelas serta intervensi yang berkesan bagi memastikan agenda Bumiputera tercapai.
3. Menyelaras semua program pembangunan Bumiputera di kementerian dan agensi bagi memastikan pegangan ekuiti Bumiputera dapat ditingkatkan ke tahap 30%.
4. Mewujudkan pusat sehenti untuk menambah usahawan Bumiputera menceburi perniagaan dalam bidang teknologi tinggi dan ekonomi masa hadapan.
5. Meningkatkan penglibatan usahawan Bumiputera yang berpotensi dalam sektor pengeluaran hasil pertanian melalui insentif khas Dana Agropreneur Bumiputera sebanyak RM1 bilion bagi tempoh 5 tahun.
6. Meningkatkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi memantapkan penguatkuasaan ke atas pemaju rumah bagi memastikan ketetapan syarat kuota Bumiputera dipatuhi.

7. Meningkatkan biasiswa untuk sektor profesional dan industri masa hadapan yang kurang penyertaan Bumiputera.
8. Memperkasa Majlis Kemakmuran Bumiputera bagi mempercepatkan pelaksanaan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030.
9. Merapatkan jurang pendapatan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera serta intra kaum melalui program pembangunan profesionalisme, keusahawanan dan perniagaan.

2 Menjaga Kebajikan Dan Meningkatkan Taraf Hidup

Tawaran :

1. Mempertahankan hak-hak semua kaum seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. Mempergiatkan program khas bagi meningkatkan penyertaan masyarakat India, Cina dan Orang Asli di dalam badan-badan keselamatan negara.
3. Menyediakan RM250 juta untuk 5 tahun bagi Skim Pembiayaan Usahawan Masyarakat India (SPUMI).
4. Mewujudkan kuota penempatan khas bagi masyarakat India di dalam program Dermasiswa B40 TVET.
5. Menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Pembangunan Sosioekonomi dan Hak Orang Asli.
6. Memperkenalkan kerangka menyeluruh pembangunan sosioekonomi Orang Asli dan golongan minoriti merangkumi aspek infrastruktur asas, pendidikan, kesihatan dan peluang ekonomi.
7. Memperkasakan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam memastikan usaha meningkatkan kesejahteraan Orang Asli dilaksanakan dengan lebih cekap dan mampan.
8. Meningkatkan biasiswa untuk sektor profesional dan industri masa hadapan yang kurang penyertaan Orang Asli.

> Tunjang 5

Memacu Pembangunan Wilayah



>

Tunjang 5 : Memacu Pembangunan Wilayah

1 Merapatkan Jurang Pembangunan Antara Wilayah

2 Memacu Pembangunan Inklusif Sabah dan Sarawak

1 Merapatkan Jurang Pembangunan Antara Wilayah

Tawaran :

1. Merapatkan jurang pembangunan antara negeri bagi menjamin kesejahteraan rakyat.
2. Merancang pembangunan ekonomi di enam (6) negeri iaitu Sabah, Sarawak, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu melalui peningkatan agihan peruntukan pembangunan .
3. Mengoptimumkan potensi ekonomi setiap negeri dan wilayah bagi mempercepat pembangunan sosioekonomi untuk rakyat.
4. Menyediakan capaian Internet laju di seluruh negara serta menjamin caj 5G berpatutan.
5. Mengoptimumkan pembangunan sosioekonomi rakyat khususnya di luar bandar.
6. Meningkatkan akses kepada kemudahan prasarana dan infrastruktur asas di kawasan luar bandar dan pedalaman.
7. Mengurangkan kesesakan di lebuhraya dengan mempercepatkan penggunaan sistem tol tanpa palang dan menambah lorong di lokasi kritikal.
8. Mempercepatkan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo, Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (CSR) dan Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3).
9. Memperkasakan sistem pengangkutan awam, termasuk jaringan pengangkutan awam bersepadu seluruh negara.
10. Meningkatkan kecekapan capaian pengangkutan awam yang menghubungkan bandar dan luar bandar.
11. Mewujudkan dana khusus untuk menaik taraf dan menyelesaikan masalah sistem bekalan air di seluruh negara.

2 Memacu Pembangunan Inklusif Sabah Dan Sarawak

Tawaran :

1. Menyegerakan pelaksanaan ketetapan dalam Perjanjian Malaysia 1963.
2. Menubuhkan universiti awam baharu di Sabah dan Sarawak yang menawarkan kursus dalam bidang strategik bagi memenuhi keperluan industri semasa dan masa hadapan.
3. Menyediakan kemudahan penginapan yang berdekatan dengan hospital kepada keluarga pesakit yang menerima rawatan di wad hospital.
4. Mengutamakan pengagihan peruntukan pembangunan kepada Sabah dan Sarawak bagi mempercepatkan pembangunan sosioekonomi setempat.
5. Mempercepatkan baik pulih bangunan daif di sekolah bagi menyediakan persekitaran yang selamat untuk warga sekolah.
6. Memberi keutamaan kepada anak Sabah dan Sarawak dalam memegang jawatan utama dalam perkhidmatan awam persekutuan di Sabah dan Sarawak.
7. Mempercepatkan pembinaan jaringan jalan raya, bekalan air dan elektrik serta telekomunikasi di Sabah dan Sarawak.
8. Memperkasa Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) bagi meningkatkan tahap keselamatan rakyat.

9. Merencanakan pembangunan zon ekonomi baharu di sempadan Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan bagi memastikan penduduk kedua-dua wilayah tersebut mendapat kesan limpahan manfaat daripada pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia.

Melestarikan Alam Sekitar Dan Merencanakan Pelancongan



>

Tunjang 6 : Melestarikan Alam Sekitar Dan Merencanakan Pelancongan

1 Melindungi khazanah alam dan menangani perubahan iklim

2 Merencanakan pelancongan bernilai tinggi dan bertaraf dunia

1 Melindungi Khazanah Alam Dan Menangani Perubahan Iklim

Tawaran :

1. Mewujudkan Badan Bertindak Bencana Alam dan Perubahan Iklim khusus bagi menangani banjir dan bencana alam dengan lebih efektif.
2. Mempercepatkan pelaksanaan projek tebatan banjir serta menaik taraf sistem saliran dan perparitan seluruh negara.
3. Memperkasa agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana (KASA, NADMA, JPS, MET dan PBT) untuk mempercepatkan agihan bantuan bencana termasuk beg keperluan asas.
4. Menambah baik kemudahan asas di pusat pemindahan sementara mangsa banjir seperti bekalan air dan elektrik.
5. Memperluaskan pemberian insentif bagi menggalakkan aktiviti pendidikan dan pemeliharaan alam sekitar.
6. Merancang pembangunan industri tenaga hijau dengan memudah cara penyediaan tanah ladang solar serta penggunaan sisa sawit dan pertanian untuk biojisim.
7. Meningkatkan penggunaan teknologi hijau dan cekap tenaga oleh Kerajaan dan swasta.
8. Mempergiatkan usaha pemeliharaan serta pemuliharaan ekosistem marin dan hutan, termasuk dengan penglibatan komuniti.

9. Meningkatkan peruntukan Kerajaan bagi memperkukuh pengurusan pelupusan sisa pepejal.
10. Mempergiatkan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar.

2 Merencanakan Pelancongan Bernilai Tinggi Dan Bertaraf Dunia

Tawaran :

1. Menyediakan RM1 bilion dana khas pelancongan bagi mewujudkan produk baharu pelancongan domestik bernilai tinggi dengan penglibatan pengusaha PMKS.
2. Merencanakan semula sektor pelancongan domestik dengan menyediakan insentif bagi menggalakkan aktiviti pelancongan dalam negara.
3. Merencanakan sektor ekopelancongan, agropelancongan dan pelancongan kesihatan dengan kerjasama pemain industri, termasuk syarikat penerbangan dan operator hotel.
4. Memperbanyakkan kemudahan perkhidmatan Meetings, Incentives, Conferences & Exhibitions (MICE) bertaraf dunia.

PERIKATAN
NASIONAL

> Tunjang 7

Memperkasa Belia Dan Mensejahterakan Keluarga Muda



>

Tunjang 7 : Memperkasa Belia Dan Mensejahterakan Keluarga Muda

1 Membangunkan belia yang dinamik dan berdaya saing

2 Membina keluarga muda yang sejahtera

1 Memperkasa Belia Dinamik Dan Berdaya Saing

Tawaran :

1. Menetapkan kuota sekurang-kurangnya dua (2) Senator dalam Dewan Negara untuk belia dan beliawanis bagi memastikan suara mereka diwakili di Parlimen.
2. Memperkasa program usahawan golongan anak muda dalam industri ekonomi digital dan masa hadapan.
3. Menaikkan kadar elaun pelajar yang menjalani latihan amali/praktikal di sektor awam kepada RM1200 sebulan.
4. Mengurangkan bayaran balik pinjaman PTPTN sebanyak 25 peratus kepada graduan dengan keputusan kelas kedua atas.
5. Memberi insentif khas bernilai RM1,000 kepada pekerja sektor ekonomi gig yang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.
6. Mempregiat penglibatan belia dalam industri kreatif, termasuk animasi dan kebudayaan bagi pasaran dalam dan luar negara.
7. Memperkasa pembangunan bakat e-sports dengan memperkenalkan stadium khas e-sports dan program mencungkil bakat masa depan e-sports.
8. Meningkatkan kemahiran digital belia, termasuk coding, artificial intelligence (AI), machine learning (ML), internet of things (IoT), blockchain dan cloud.

9. Menggalakkan usahawan muda dalam industri masa hadapan seperti FinTech, Robotics dan kenderaan elektrik (EV).
10. Membangunkan tanah terbiar di kawasan strategik untuk belia bagi aktiviti pertanian moden dan vertical farming serta penternakan.
11. Mengurangkan harga siling bayaran lesen memandu motorsikal bawah 250cc.
12. Memperkenalkan dana khas di bawah Kementerian Belia dan Sukan melalui sumbangan sekurang-kurangnya 1% daripada keuntungan tahunan syarikat GLC terpilih bagi tujuan melaksanakan program pembangunan kepimpinan belia.
13. Mewajibkan syarikat P-Hailing dan E-Hailing menyediakan perlindungan insurans takaful kepada semua pekerja.
14. Potongan cukai khas bagi pekerja sektor ekonomi gig sepenuh masa yang berdaftar.
15. Mewujudkan Pusat Sukan dan Komuniti Perpaduan di setiap daerah.

2 Membina Keluarga Muda Yang Sejahtera

Tawaran :

1. Memperkenalkan program pembiayaan perumahan tanpa faedah khusus bagi keluarga muda.
2. Mewujudkan dana khas pengantin baharu bagi membantu pasangan muda membina keluarga.
3. Menyediakan pek permulaan bagi penjagaan ibu dan anak untuk kelahiran anak pertama.

Mengoptimumkan Potensi Wanita



>

Tunjang 8 : Mengoptimumkan Potensi Wanita

1 Memartabatkan wanita sebagai pemangkin kemajuan negara

2 Melindungi wanita sebagai tonggak keluarga sejahtera

1 Memartabatkan Wanita Sebagai Pemangkin Kemajuan Negara

Tawaran :

1. Mengembangkan DanaNita - Wanita Bangkit Berniaga bagi membantu usahanita baharu dengan menyediakan pinjaman tanpa faedah sehingga RM20,000 seorang.
2. Memperkenalkan Agenda Care-Economy khususnya bagi menyelaraskan sistem penjagaan warga emas, kanak-kanak dan OKU melalui MyPrihatin, termasuk skim untuk meningkatkan profesionalisme pengasuh kanak-kanak.
3. Menyediakan sistem sokongan bagi wanita bekerja dan kembali bekerja, termasuk peruntukan khas penjagaan ibu bapa, dan kemudahan taska di tempat kerja.
4. Memantapkan pelan strategik ke arah mencapai kesaksamaan gender menjelang 2030.
5. Melaksanakan intervensi yang agresif bagi memastikan sasaran sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita dalam jawatan utama di sektor awam dan swasta dicapai menjelang 2025.
6. Mempergiatkan penglibatan wanita dalam industri berteknologi tinggi dan industri masa hadapan.
7. Meningkatkan kadar pelepasan cukai tambahan sebanyak RM1,000 bagi semua wanita bekerja.
8. Meningkatkan peluang penyertaan wanita dalam latihan bidang-bidang kemahiran baharu dan pembangunan profesionalisme bagi mengupayakan mereka untuk mengisi jawatan penyelia di sektor swasta dan memulakan perniagaan.

2 Melindungi Wanita Sebagai Tonggak Keluarga Sejahtera

Tawaran :

1. Memuktamadkan segera kajian pindaan perkara 14 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan untuk kewarganegaraan anak yang dilahirkan oleh ibu berwarganegara Malaysia dengan suami warganegara asing di luar negara.
2. Meningkatkan kadar Skim Perlindungan Suri Rumah kepada RM800, dengan caruman minimum suri rumah sebanyak RM100.
3. Meningkatkan bilangan hari cuti paterniti kepada 14 hari.
4. Menguat kuasa dan mempercepatkan pelaksanaan Akta Antigangguan Seksual dan penggubalan Rang Undang-Undang Anti-Stalking.
5. Meningkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa agama negeri berhubung penguatkuasaan perintah hiwalah (pemindahan hutang) bagi menyelesaikan kes hak wanita dan anak-anak seperti perceraian, ditinggal gantung tanpa tali dan nafkah anak-anak di mahkamah syariah dan sivil.
6. Memperkenalkan Kad Kasih Ibu di peringkat nasional bagi memudahkan pembelian barangan keperluan asas.

PERIKATAN
NASIONAL

> Tunjang 9

Membina Warga Emas Yang Aktif Dan Sejahtera



>

Tunjang 9 : **Membina Warga Emas** **Yang Aktif Dan Sejahtera**

1 Memelihara kebajikan warga emas

2 Menambah baik kemudahan dan sistem sokongan untuk warga emas aktif

1 Memelihara Kebajikan Warga Emas

Tawaran :

1. Menubuhkan Jabatan Warga Emas untuk menyediakan perkhidmatan dan program kebajikan bagi membantu warga emas menjalani kehidupan yang sejahtera.
2. Meningkatkan akses warga emas kepada keperluan asas dan keselamatan sosial dengan penyediaan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta persekitaran yang kondusif.
3. Memperkenalkan skim lawatan doktor ke rumah bagi memudahkan penjagaan kesihatan warga emas.

2 Menambah Baik Kemudahan dan Sistem Sokongan Untuk Warga Emas Aktif

Tawaran :

1. Memperkasakan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dengan pelbagai program dan aktiviti untuk warga emas.
2. Menyediakan program serta latihan bersesuaian kepada pesara yang ingin melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi dan sukarelawan.

**PERIKATAN
NASIONAL**

> Tunjang 10

Memperkasa Orang Kelainan Upaya (OKU)

>

Tunjang 10 : **Memperkasa Orang Kelainan Upaya (OKU)**

1 Mempergiatkan Penglibatan OKU Dalam Agenda Pembangunan Negara

2 Menggilap Potensi OKU

1 Mempergiatkan Penglibatan OKU Dalam Agenda Pembangunan Negara

Tawaran :

1. Meningkatkan penglibatan OKU dalam pembentukan dasar Kerajaan.
2. Mewajibkan fasiliti mesra OKU di semua bangunan awam dan premis swasta.
3. Mewujudkan sistem sokongan bersepadu untuk OKU menjalani kehidupan yang lebih baik.
4. Menambah baik Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) serta memperkasa program pemulihan, termasuk rawatan perubatan dan latihan vokasional.
5. Memberi bantuan alat sokongan OKU secara percuma kepada pelajar IPT daripada keluarga kurang berkemampuan.

2 Menggilap Potensi OKU

Tawaran :

1. Mempertingkatkan Program Latihan OKU Berdaya bagi lepasan sekolah sebagai persediaan memasuki pasaran pekerjaan.
2. Memperkenalkan Dana Niaga Khas RM20 juta bagi membantu usahawan OKU.
3. Memperkenalkan program latihan dan kerjaya bagi atlet OKU untuk persediaan persaraan.
4. Melaksanakan inisiatif Road to Paralympics bagi mencungkil bakat OKU muda.

PERIKATAN
NASIONAL

> Tunjang 11

Memperkasakan Generasi FELDA



>

Tunjang 11 : Memperkasakan Generasi Felda

1 Membina masa hadapan generasi baharu FELDA

2 Memantapkan tadbir urus FELDA

1 Membina Masa Hadapan Generasi Baharu FELDA

Tawaran :

1. Menawarkan Wawasan FELDA Baharu bagi menjamin masa depan lebih baik untuk generasi muda di kawasan FELDA dengan mewujudkan peluang ekonomi baharu, keusahawanan serta menambah baik infrastruktur asas, termasuk liputan Internet, rumah mampu milik.
2. Menyelamatkan projek perumahan generasi baharu FELDA terbengkalai yang berpotensi untuk dibaik pulih.
3. Memantapkan pelaksanaan Program Pembangunan Peneroka bagi meningkat dan mempelbagaikan pendapatan peneroka.
4. Memperkenalkan skim keusahawanan FELDA bagi menggalakkan penglibatan usahawan muda dalam aktiviti pertanian bernilai tinggi melalui penggunaan teknologi terkini dan automasi.

2 Memantapkan Tadbir Urus FELDA

Tawaran :

1. Memulihkan FELDA supaya prestasinya setanding dengan syarikat perladangan kelapa sawit yang berprestasi tinggi bagi menjamin kesejahteraan peneroka.
2. Menyegerakan penyelesaian isu pembelian saham Eagle High Plantations oleh FELDA yang mana nilai sahamnya telah susut dengan amat ketara.
3. Memperkasakan tadbir urus FELDA untuk memastikan pengurusan dilaksanakan dengan telus serta bebas daripada penyelewengan, pembaziran dan penyalahgunaan kuasa.

PERIKATAN
NASIONAL

> Tunjang 12

Mentransformasi Petani, Penternak, Nelayan Dan Pekebun Kecil



>

Tunjang 12 : Mentransformasi Petani, Penternak, Nelayan Dan Pekebun Kecil

1 Memperkasa petani, penternak, nelayan dan pekebun kecil bagi mengukuhkan rantaian bekalan makanan negara

2 Memelihara kebajikan petani, penternak, nelayan dan pekebun kecil

1 Memperkasa Petani, Penternak Dan Nelayan Bagi Mengukuhkan Rantaian Bekalan Makanan Negara

Tawaran :


1. Mengoptimumkan hasil pertanian dan perikanan serta industri hiliran yang bernilai tinggi melalui insentif khas bagi menggalakkan penggunaan teknologi dan pertanian pintar serta pemasaran yang cekap.
2. Menambah lesen perikanan bagi nelayan muda bagi kawasan laut yang sesuai.
3. Memodenkan sektor perikanan bagi meningkatkan taraf hidup nelayan dengan mewujudkan skim pembangunan yang terancang dan komprehensif.
4. Menyediakan insentif ekopelancongan bagi membantu petani dan nelayan menambah sumber pendapatan.
5. Memodenkan industri getah bagi menjaga kebajikan dan meningkatkan pendapatan penoreh getah.

2

Memelihara Kebajikan Petani, Penternak, Nelayan dan Pekebun Kecil

Tawaran :

1. Meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan melalui penyediaan latihan, bantuan khidmat nasihat dan teknikal serta pementoran.
2. Menyediakan bantuan tunai RM1,200 setahun kepada pesawah (Bantuan Tanaman Padi) dan RM800 setahun kepada pekebun kecil (Bantuan Musim Tengkujuh).
3. Mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar milik Kerajaan bagi kegunaan sektor pertanian, penternakan dan akuakultur yang bersesuaian, termasuk kebun komuniti.
4. Meningkatkan harga lantai getah pada kacar yang berpatutan dan akan disemak secara berkala bagi menjaga kebajikan penoreh getah.



**UNDILAH
PERIKATAN NASIONAL**